

Kerajaan Mahathir: Bersih dan cekap

JIKA Tun Hussein Onn dahulu menekankan Kerajaan yang bersih (dari rasuah), pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, nampaknya mahu melangkah setapak lagi ke hadapan. Pada beliau Kerajaan bukan sahaja mesti bersih tetapi juga efisien. Antara lain, ini memerlukan satu jentera perkhidmatan awam yang benar-benar cekap dan berdisiplin.

Beberapa langkah untuk memperbaiki kadar kecekapan perkhidmatan awam telah pun dilaksanakan. Kekurangan kaki tangan yang dikatakan telah menjejaskan prestasi setengah jabatan telah diatasi dengan pengambilan pekerja secara besar-besaran melalui Operasi Isi Penuh. Pengetatan kelayakan masuk dan penyediaan peluang-peluang pendidikan dan latihan yang lebih luas telah meningkatkan keupayaan pekerja, khususnya pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Sebagai insentif untuk mendorong pekerja kepada taraf prestasi yang lebih tinggi, gaji dan pelbagai kemudahan dari kadar elaun perjalanan hingga ke jumlah pinjaman rumah telah diperbaiki.

Tetapi ternyata langkah-langkah ini sahaja belum dapat menjamin kerajaan yang efisien. Sebuah jentera perkhidmatan yang mempunyai lebih setengah juta pekerja sudah tentu mempunyai masalah disiplin yang bukan kecil. Bilangan pekerja-pekerja yang menyalahgunakan masa, harta dan kemudahan-kemudahan Kerajaan untuk kepentingan mereka sendiri bukan kecil. Satu kajian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam menaksirkan bahawa pengambilan waktu minum yang berlebihan oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja boleh mengakibatkan kerugian hampir \$180 juta setahun.

Pembaziran hasil dari penyalahgunaan kuasa, harta dan kemudahan Kerajaan juga, jika dikaji, mungkin bukan kecil jumlahnya. Di samping itu masalah-masalah disiplin lain seperti sikap kerja yang negatif dan berbagai bentuk kegiatan seleweng juga wujud. Memandangkan ini, memanglah telah tiba masanya untuk Jabatan Perkhidmatan Awam memperketat pengawasan dan pentadbiran disiplinnya.

Tindakannya mengedarkan buku-buku panduan mengenai peraturan disiplin kepada semua ketua jabatan dan pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ini adalah wajar. Peraturan-peraturan disiplin yang lengkap, seragam dan eksplisit sebenarnya boleh menguntungkan kedua belah pihak. Di samping menjadi panduan ketua-ketua jabatan untuk bertindak terhadap mana-mana pekerja yang menyeleweng dengan lebih berkesan, ia juga boleh membantu pekerja mengetahui kesalahan mereka dan mengambil tindakan membetulkannya sebelum terlewat.

Tetapi bagaimana juga halnya dengan peraturan yang baik, kejayaannya tergantung bukan sedikit kepada pelaksanaannya yang bijak dan adil. Perspektif yang betul melihat disiplin bukan sebagai satu sistem denda yang negatif tetapi sebagai satu bahagian dari sistem peraturan yang bertujuan, terutamanya, meningkatkan kadar produktiviti dan keefisyenian jentera Kerajaan. Jadinya, lebih penting dari mencait dan menjaga ketepatan masa datang dan pulang pekerja, ia seharusnya berupaya meningkatkan mutu dan taraf prestasi keseluruhan perkhidmatan awam sebagai satu sistem organisasi. Inilah sahaja seharusnya ukuran yang menentukan sama ada pengetatan disiplin ini telah mencapai matlamat sebenarnya.

Tegasnya, satu sistem perkhidmatan awam yang efektif tidaklah akan wujud kerana pelaksanaan disiplin yang ketat semata-mata. Langkah-langkah yang boleh meningkatkan prestasi kerja secara langsung mesti turut sama ditekankan.